

Headline	Perabot buluh, acasia dikomersialkan		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah)		
Date	05 May 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	41,000
Page No	13	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	306 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,903
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,709



# Perabot buluh, acasia dikomersialkan

**Petra Jaya:** Sarawak sedang melaksanakan inisiatif mengkomersialkan sektor pembuatan perabot berasaskan buluh dan akasia sebagai langkah mengurangkan kebergantungan terhadap pengeluaran balak semata-mata.

Malah, kedua-dua hasil perhutanan itu bakal menjadi tumpuan utama sebagai alternatif pembangunan produk perabot dalam Ekspo SME dan Perkayuan Sarawak 2017 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK), di sini bermula 18 hingga 21 Mei ini.

Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, berkata langkah mengkomersialkan buluh dan akasia diyakini mampu menyumbang kepada pengukuhan industri perkayuan yang juga antara penyumbang utama pertumbuhan ekonomi negeri.

“Rumah Akasia dan Galeri Buluh menjadi fokus dalam penganjuran ekspo terbabit, sekali gus memberi pendedahan dan potensi besar yang mampu dikembangkan hasil inovasi kedua-dua hasil hutan itu.

“Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC) melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berterusan dalam usaha ini.

“Bagi akasia, STIDC bekerjasama dengan Samling Group, manakala segmen buluh membabitkan usahasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM),” katanya pada sesi taklimat penganjuran Ekspo SME dan Perkayuan Sarawak 2017 di Wisma Sumber Alam, di sini kelmarin.

## 20,000 pengunjung

Keseluruhan, 20,000 pengunjung, khususnya pemain industri dan kelompok pembeli berpotensi dari dalam dan luar negara dijangka berkunjung ke ekspo berkenaan sepanjang empat hari berlangsung.

Ekspo SME dan Perkayuan Sarawak 2017 disertai 230 pempamer tempatan, selain Indonesia, Korea Selatan, India, Thailand dan China, dengan keseluruhan 400 galeri serta ruang pameran disediakan penganjur.



Awang Tengah (tengah) pada sidang media di Wisma Sumber Alam, Petra Jaya, semalam.